

MANUAL SETUP PENDAFTARAN

Login ke dalam sistem

www.jsports.com.my/????/????/daftar

Username : urusetia

Password : *****

Paparan untuk setup pendaftaran adalah dibahagian bawah

----- Pengurusan Pendaftaran -----
Maklumat Pendaftaran Kejohanan
Set Acara Dipertandingkan
Set Kategori Jantina / Umur
Set Pasukan Bertanding
Set Sekolah dalam Pasukan
Hebahan Pendaftaran
Bahan Pendaftaran dan Pertandingan
----- Analisis Pendaftaran -----
Analisis - Bilangan Peserta Ikut Pasukan
Analisis - Bilangan Peserta Ikut Acara
Analisis - Bilangan Login User

1 Maklumat Pendaftaran Kejohanan

Untuk masukan maklumat asas berkaitan dengan kejohanan.

Kejohanan	Kejohanan Olahraga	
Mana ?	MSS Johor	
Tahun	2018	
Max	99	
Tutup Pendaftaran	Tarikh	16 ▾ 3 ▾ 2019 ▾ pada jam 17 ▾ 00 ▾ minit >>>16.03.2019 jam 1700
Jenis C	1	1 : kena keyin nama sek, 2 : tak perlu keyin sek, 3 : pilih dari tblsek
Jenis M	2	1 : kena keyin nama sek, 2 : tak perlu keyin sek, 3 : pilih dari tblsek
Jenis R	3	1 : kena keyin nama sek, 2 : tak perlu keyin sek, 3 : pilih dari tblsek
Jenis No Peserta	1	1 : 2huruf+2no, 2 : 1huruf+3no, 3 : 3no, 4:4no
Set	Set	

Terdapat 9 item yang perlu di tetapkan.

- i. Kejohanan : Masukkan Kejohanan apa, boleh ikut sahaja apa yang tersedia.
- ii. Mana ? : Masukkan peringkat mana kejohanan tersebut
Contoh : MSS Johor @ MSSD Johor Bahru @ Zon Senggarang @ Cawangan Sungai Balang @ SMK Seri Pelangi, Batu Pahat @ SK Kampung Pisang dll

- iii. Tahun : Masukkan tahun semasa kejohanan - 4 aksara - 20??
- iv. Max : Maksimum peserta yang boleh didaftarkan dalam satu kategori, boleh ikut sahaja apa yang tersedia.
- v. Tutup Pendaftaran : Setkan tarikh tutup pendaftaran dd-mm-yyyy-jj-mm
Pendaftaran oleh pasukan akan disekat sebaik sahaja melepasi tarikh dan masa yang telah ditetapkan, tetapi boleh diubah atau dilanjutkan mengikut kesesuaian operasi pendaftaran.
- vi Jenis C, Jenis M, Jenis R - akan ada perkaitan dengan bahagian kelas nanti
Masukkan nilai 1, 2 atau 3.
- 1 : kena keyin nama sekolah
bermaksud pendaftaran perlu masukkan nama sekolah peserta dalam pasukan berkenaan adalah gabungan beberapa sekolah.
Contohnya pasukan MSSD Kluang, pasukan Zon Pekan Nanas, pasukan Cawangan Parit Sulong.
 - 2 : tak perlu keyin sekolah
bermaksud maklumat sekolah peserta tidak perlu diisi kerana peserta dalam pasukan tersebut adalah dari sekolah yang sama.
Contohnya pasukan SMK Sri Perhentian, pasukan SK Sungai Bunyi.
 - 3 : pilih dari senarai sekolah
sama seperti 1, bermaksud pendaftaran perlu masukkan nama sekolah peserta tetapi dipilih sahaja dari *dropdown*, cuma senarai nama sekolah dan Kod Pasukan perlu dimasukkan dalam item 7 yang akan diterangkan nanti. Jika tak larat nak masukkan semua nama sekolah yang terlibat, masukkan 1 sahaja.
- vii. Jenis No Peserta - Masukkan 1, 2, 3 atau 4
- 1 : Jika nombor peserta terdiri dari 2 huruf + 2 nombor
Contohnya TK23, MB14
nombor yang kurang dari 10 akan dijadikan 1 nombor
TK08 akan dijadikan TK8
 - 2 : Jika nombor peserta terdiri dari 1 huruf + 3 nombor
Contohnya A123, B342
nombor yang kurang dari 10 akan ada 2 leading sifar
A8 akan dijadikan A008
nombor antara 10 hingga 99 akan ada 1 leading sifar
A58 akan dijadikan A058
 - 3 : Jika nombor peserta terdiri dari 3 nombor
Contohnya 123, 342
nombor yang kurang dari 10 akan ada 2 leading sifar
8 akan dijadikan 008
nombor antara 10 hingga 99 akan ada 1 leading sifar
58 akan dijadikan 058
 - 4 : Jika nombor peserta terdiri dari 4 nombor
Contohnya 2123, 4342
nombor yang kurang dari 10 akan ada 3 leading sifar
8 akan dijadikan 0008
nombor antara 10 hingga 99 akan ada 2 leading sifar
58 akan dijadikan 0058
nombor antara 100 hingga 999 akan ada 1 leading sifar
548 akan dijadikan 0548
- Nota : Nombor peserta yang digunakan boleh sama jika kategorinya berbeza, tetapi terpulung kepada pengurusan kejohanan untuk menentukannya jika perlu berbeza bagi setiap peserta.*

viii. Klik untuk Save maklumat yang telah ditetapkan.

2. Set Kategori Jantina / Umur

Untuk memasukkan semua kelas peserta yang dipertandingkan.

Jantina	Kelas	Tahun Max	Tahun Min	Maximum Individu	Maximum Relay	Kira Mata	Jenis	Takrif	Set
--Pilih Jantina-- ▾	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	--Pilih Y/T-- ▾	--Pilih Jenis-- ▾	<input type="text"/>	<input type="button" value="Tambah"/>

Terdapat 9 item yang diperlu dimasukkan.

i. Jantina

Masukkan jantina kategori yang berkenaan. Lelaki @ Perempuan

ii. Kelas - peringkat umur

Masukkan kelas peringkat umur kategori berkenaan, gunakan 2 aksara.

Contoh : 18, 15, 12, 10, 08

Jangan masukkan 1 @ 2 @ 3 jika kejohanan menggunakan istilah Kelas 1, Kelas 2 atau Kelas 3.

iii. Tahun Max

Tahun lahir paling tua yang boleh bertanding dalam kelas berkenaan.

iv. Tahun Min

Tahun lahir paling muda yang boleh bertanding dalam kelas berkenaan.

v. Maximum Individu

Jumlah terbanyak acara individu yang boleh didaftarkan untuk setiap peserta dalam kelas berkenaan.

vi. Maximum Relay

Jumlah terbanyak acara relay yang boleh didaftarkan untuk setiap peserta dalam kelas berkenaan.

vii. Kira Mata - pilih YA/TIDAK

Pungutan Pingat/Mata kategori berkenaan dimasukkan dalam pungutan keseluruhan atau tidak.

viii. Jenis - pilih CAMPURAN/MENENGAH/RENDAH

Pilih kategori tersebut termasuk dalam Jenis Pertandingan yang mana.

CAMPURAN

Jika kategori Menengah dan Rendah bercampur, contoh : Kejohanan Olahraga MSS Negeri dimana kategori B18, B15 dan B12 adalah dalam satu pasukan yang sama dan jumlah pingat akan dikumpul bersama.

MENENGAH/RENDAH

Jika kategori Menengah dan Rendah tidak bercampur, contoh : Kejohanan Olahraga MSS Daerah dimana kategori B18 dan B15 dalam satu pasukan yang sama tetapi B12 dan B10 adalah diasingkan untuk jumlah pungutan pingat.

ix. Takrif

Jika memerlukan huraian kategori yang lebih detail, seperti untuk pendidikan khas.

x. Klik untuk Save kategori yang telah dimasukkan.

Contoh kelas bagi kejohanan olahraga peringkat negeri, menengah rendah bercampur.

Kategori jantina/umur yang dipertandingkan dalam kejohanan

Jantina	Kelas	Tahun Max	Tahun Min	Maximum Individu	Maximum Relay	Kira Mata	Jenis	Takrif
L	18	2001	2003	3	2	YA	CAMPURAN = C	18
L	15	2004	2006	3	2	YA	CAMPURAN = C	15
L	12	2007	2010	2	2	YA	CAMPURAN = C	12
P	18	2001	2003	3	2	YA	CAMPURAN = C	18
P	15	2004	2006	3	2	YA	CAMPURAN = C	15
P	12	2007	2010	2	2	YA	CAMPURAN = C	12

Contoh kelas bagi kejohanan olahraga peringkat daerah, menengah rendah berasingan.

Kategori jantina/umur yang dipertandingkan dalam kejohanan

Jantina	Kelas	Tahun Max	Tahun Min	Maximum Individu	Maximum Relay	Kira Mata	Jenis	Takrif
L	18	2001	2003	3	2	YA	MENENGAH = M	18
L	15	2004	2004	3	2	YA	MENENGAH = M	15
L	14	2005	2006	3	2	YA	MENENGAH = M	14
L	12	2007	2007	2	2	YA	RENDAH = R	12
L	11	2008	2011	2	2	YA	RENDAH = R	11
P	18	2001	2003	3	2	YA	MENENGAH = M	18
P	15	2004	2004	3	2	YA	MENENGAH = M	15
P	14	2005	2006	3	2	YA	MENENGAH = M	14
P	12	2007	2007	2	2	YA	RENDAH = R	12
P	11	2008	2011	2	2	YA	RENDAH = R	11

Contoh kelas bagi kejohanan olahraga peringkat sekolah rendah atau zon sekolah rendah.

Kategori jantina/umur yang dipertandingkan dalam kejohanan

Jantina	Kelas	Tahun Max	Tahun Min	Maximum Individu	Maximum Relay	Kira Mata	Jenis	Takrif
L	12	2007	2007	2	2	YA	RENDAH = R	12
L	11	2008	2012	2	2	YA	RENDAH = R	11
P	12	2007	2007	2	2	YA	RENDAH = R	12
P	11	2008	2012	2	2	YA	RENDAH = R	11

Contoh kelas bagi kejohanan olahraga peringkat sekolah menengah.

Kategori jantina/umur yang dipertandingkan dalam kejohanan

Jantina	Kelas	Tahun Max	Tahun Min	Maximum Individu	Maximum Relay	Kira Mata	Jenis	Takrif
L	18	2001	2003	3	2	YA	MENENGAH = M	18
L	15	2004	2004	3	2	YA	MENENGAH = M	15
P	18	2001	2003	3	2	YA	MENENGAH = M	18
P	15	2004	2004	3	2	YA	MENENGAH = M	15

Maklumat yang ada pada kelas boleh diubah dan klik

Operasi sistem ini adalah secara *line by line* iaitu setiap perubahan pada setiap baris hendaklah di SET kan.

Jika hendak Delete baris tersebut, klik dalam kotak dan klik

3. Set Acara Dipertandingkan

Untuk membuat tetapan acara yang dipertandingkan dan bilangan penyertaan.

Terdapat 3 item yang diperlu dimasukkan.

i. Jantina

Masukkan jantina acara yang berkenaan.

ii. Kelas

Masukkan kelas umur kategori yang berkenaan. Hanya kelas umur yang dimasukkan dalam proses 2 dan 3 sahaja yang akan disenaraikan.

iii. Acara

Pilih acara yang berkenaan.

iv. Max

Bilangan maksimum peserta yang boleh didaftarkan oleh satu pasukan bagi acara yang tersebut.

Untuk acara relay, masukkan bilangan pasukan yang boleh didaftarkan, **BUKAN** bilangan peserta yang boleh didaftarkan.

v. Klik untuk Save acara yang telah dimasukkan.

Nota : Untuk acara Heptatlon dan Oktatlon, akan ada penambahan secara automatik untuk acara-acara yang berkaitan dengannya.

Contoh paparan yang telah diisi.

Acara yang dipertandingkan dalam kejohanan

Jantina	Kelas	Acara	Max	Set
--Pilih Jantina-- ▾	--Pilih Kelas-- ▾	--Pilih Acara-- ▾		<input type="button" value="Tambah"/>
L	TERBUKA	TUKUL BESI	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	TERBUKA B15	3000 m	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	TERBUKA B15	5000 m JALAN KAKI	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	100 m	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	200 m	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	400 m	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	800 m	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	1500 m	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	3000 m	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	110 m LARI BERPAGAR	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>
L	18	400 m LARI BERPAGAR	2	<input type="button" value="Set"/> <input type="checkbox"/> <input type="button" value="Delete"/>

4. **Set Pasukan Bertanding**

Untuk membuat tetapan acara yang dipertandingkan dan bilangan penyertaan.

Terdapat beberapa item yang diperlu dimasukkan.

i. Kod

Masukkan kod pengenalan pasukan yang berkenaan.

Jika Jenis No Badan (perkara 1 vii) = 1, masukkan 2 huruf kod pasukan.

Jika Jenis No Badan (perkara 1 vii) = 2, masukkan 1 huruf kod pasukan.

Jika Jenis No Badan (perkara 1 vii) = 3 atau 4, masukkan juga 1@2 huruf kod pasukan untuk pengenalan pasukan semasa acara relay.

Kod pasukan hendaklah unik iaitu tidak boleh ada yang sama dalam satu sistem.

ii. Nama Ringkas

Masukkan nama ringkas pasukan yang berkenaan.

Nama ringkas yang dipilih akan menjadi rujukan di paparan laman web dan juga di cetakan borang-borang pertandingan.

Nama ringkas ini juga akan dijadikan **username** bagi pasukan untuk membuat pendaftaran peserta selepas ini.

Contoh :

Nama Penuh	Nama Ringkas	Username
SMK GELANG PATAH	SMKGP	smkgp
SK MORNI POK	MORNI POK	morni pok
ZON SIMPANG RENGGAM	ZSR	zsr
MSSD BATU PAHAT	BATU PAHAT	batu pahat
MSS NEGERI SEMBILAN	NEGERI SEMBILAN	negeri sembilan

Nama Ringkas hendaklah unik iaitu tidak boleh ada yang sama dalam satu sistem.

iii. Bahagian - pilih CAMPURAN/MENENGAH/RENDAH

Nota : Rujuk Perkara 2 viii kerana kedua-dua aspek ini berkaitan antara satu dengan lain.

Pilih bahagian dimana pasukan tersebut akan bertanding.

Jika CAMPURAN

Hanya kelas jenis CAMPURAN sahaja yang akan dipaparkan untuk pendaftaran.

Jika MENENGAH

Hanya kelas jenis MENENGAH sahaja yang akan dipaparkan untuk pendaftaran.

Jika RENDAH

Hanya kelas jenis RENDAH sahaja yang akan dipaparkan untuk pendaftaran.

iv. Nama Penuh

Masukkan nama penuh pasukan yang berkenaan, seperti dalam jadual di 5 ii.

v. Username

Username adalah sama dengan nama ringkas cuma dalam huruf kecil sahaja.

vi. Password

Masukkan password pendaftaran pasukan yang berkenaan. Password boleh maksimum 8 aksara.

vii. No Awal dan No Akhir

Khas untuk Jenis No Badan = 1, masukkan no awal (biasanya = 1) dan no akhir (biasanya = 50 @ 99) yang digunakan dalam pendaftaran.

Untuk Jenis No Badan = 2 @ 3 @ 4 masukkan 0 untuk ruang yang tersebut.

7. **Hebahan Pendaftaran**

Jika hendak membuat pemberitahuan, boleh mengisi maklumat dalam bahagian ini. Maklumat yang diisi akan dipaparkan dalam laman web login pendaftaran.

8. **Bahan Pendaftaran dan Pertandingan**

Jika hendak memasukkan bahan-bahan untuk disownload oleh pasukan yang pertandingan, boleh menambah bahan dalam bentuk *softcopy* dalam bahagian ini. Bahan yang diisi akan diwujudkan satu *link* dalam laman web login pendaftaran.

9. **Analisis - Bilangan Peserta Ikut Pasukan**

Memaparkan bilangan peserta yang telah didaftarkan oleh pasukan-pasukan yang bertanding mengikut kategori.

10. **Analisis - Bilangan Peserta Ikut Acara**

Memaparkan bilangan peserta yang telah didaftarkan dalam suatu acara mengikut kategori yang dipertandingkan.

11. **Analisis - Bilangan Login User**

Memaparkan berapa kali suatu pasukan telah login dan bila kali terakhir.

12. **Setup Kelas Bagi Acara Terbuka**

Jika ada acara yang dipertandingkan secara terbuka untuk semua atau sebahagian peringkat unur, kelas bagi acara terbuka hendaklah di *setup* terlebih dahulu.

Menu untuk setup acara terbuka terletak di bahagian **Pengurusan Kejohanan**.



Terdapat 3 item yang diperlu dimasukkan.

- i. Kelas
Masukkan kelas umur kategori yang berkenaan.
- ii. Kod Terbuka
Masukkan kod pengenalan kategori terbuka - 2 aksara.
- iii. Takrif
Masukkan takrif acara terbuka tersebut

Contoh kategori terbuka untuk kejohanan yang ada Jenis M - 18, 15, 14 dan R - 12, 11

Kelas	Kod Terbuka	Takrif	Set
15 ▾	TB	TERBUKA B15	Set <input type="checkbox"/> Delete
14 ▾	TB	TERBUKA B15	Set <input type="checkbox"/> Delete
12 ▾	TR	TERBUKA B12	Set <input type="checkbox"/> Delete
11 ▾	TR	TERBUKA B12	Set <input type="checkbox"/> Delete
18 ▾	TT	TERBUKA	Set <input type="checkbox"/> Delete
15 ▾	TT	TERBUKA	Set <input type="checkbox"/> Delete
14 ▾	TT	TERBUKA	Set <input type="checkbox"/> Delete

Kod Terbuka TB

Hanya peserta Kelas 15 tahun dan 14 tahun sahaja yang boleh mendaftar dan ditakrifkan sebagai TERBUKA B15 iaitu acara terbuka untuk bawah 15 tahun

Kod Terbuka TR

Hanya peserta Kelas 12 tahun dan 11 tahun sahaja yang boleh mendaftar dan ditakrifkan sebagai TERBUKA B12 iaitu acara terbuka untuk bawah 12 tahun

Kod Terbuka TT

Hanya peserta Kelas 18 tahun, 15 tahun dan 14 tahun sahaja yang boleh mendaftar dan ditakrifkan sebagai TERBUKA.

Contoh kategori terbuka untuk kejohanan kelas Jenis C - 18, 15, 12

Kelas	Kod Terbuka	Takrif	Set
18 ▾	TT	TERBUKA	Set <input type="checkbox"/> Delete
15 ▾	TT	TERBUKA	Set <input type="checkbox"/> Delete

Kod Terbuka TT

Hanya peserta Kelas 18 tahun dan 15 tahun sahaja yang boleh mendaftar dan ditakrifkan sebagai TERBUKA.

Peserta Kelas 12 tidak boleh mengambil acara TERBUKA.

Jika tiada acara terbuka dipertandingkan, Delete semua baris dalam bahagian ini.

13. Makluman Umum

Sistem ini menggunakan arahan *line by line operation*.

Penambahan item hendaklah diikuti dengan klik

Untuk perubahan maklumat, klik

Jika hendak Delete baris tersebut, klik dalam kotak dan klik

PERINGATAN KHAS

Setup Pendaftaran hendaklah dibuat dan disiapkan sebelum pasukan-pasukan yang bertanding membuat pendaftaran.

Selepas TARIKH TUTUP PENDAFTARAN, tiada lagi urusan yang melibatkan perubahan dalam pendaftaran peserta yang boleh dibuat

Sebarang perubahan di bahagian pendaftaran selepas tarikh yang tersebut boleh menyebabkan gangguan pada sistem dan boleh berlaku ralat semasa pengoperasian sistem nanti.

Sebarang perubahan selepas TARIKH TUTUP PENDAFTARAN hendaklah dilakukan di bahagian

----- Pengurusan Peserta & Acara -----

----- Pengurusan Kejohanan -----

----- Cetakan -----

----- Pengurusan Sijil -----

----- Pengurusan Rekod -----

operasi perjalanan Kejohanan Olahraga.

Terima Kasih.